

Memahami realiti baharu politik titik kebangkitan UMNO



Dekan Pusat Pengajian Siswazah Kerajaan Ghazali Shafie (GSGSG), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Dr Rusdi Omar
bhrencana@bh.com.my

Ucapan Dasar Presiden UMNO 2025 disampaikan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi semalam, menjadi satu pengakuan jujur dan berani bahawa UMNO sedang berada pada persimpangan paling genting dalam sejarah pascakemerdekaannya.

Selepas lebih enam dekad menjadi teras kuasa politik negara, UMNO kini berdepan realiti sebagai parti pascahegemonik yang masih relevan dan masih berakar, tetapi tidak lagi dominan dalam Kerajaan Perpaduan.

Dalam konteks inilah tiga gagasan utama ucapan ini, iaitu cabaran politik semasa, tiga realiti utama dan pemugaran upaya politik UMNO, perlu dihadap sebagai satu peta survival dan pembinaan semula parti.

Ahmad Zahid secara tidak berselindung mengakui penyertaan UMNO dalam Kerajaan Perpaduan menuntut harga politik yang mahal, khususnya dari segi sentimen orang Melayu.

Label seperti 'UMDAP', tuduhan bahawa UMNO mencairkan prinsip serta naratif bahawa UMNO tunduk kepada rakan gabungan adalah manifestasi krisis komunikasi dan emosi politik, bukan bukti pengkhianatan dasar.

Hakikatnya, seperti beliau tegaskan, UMNO masih mengekalkan pendirian tegas dalam isu teras seperti penolakan Rang Undang-Undang (RUU) Pembaharuan Semula Bandar (PSB), pilihan raya pihak berkuasa tempatan, Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) dan pendirian terhadap isu warisan yang dianggap berat sebelah.

Masalah utama UMNO bukan ketiadaan prinsip atau kegagalan mempertahankannya, tetapi lebih kepada kegagalan menyampaikan pendirian itu secara berkesan dalam ekosistem politik digital yang sarat dengan manipulasi sentimen.

Kenyataan Ahmad Zahid bahawa kesabaran UMNO ada batasnya adalah isyarat strategik yang penting. Ia menegaskan UMNO bukan sekadar pelengkap dalam Kerajaan Perpaduan, tetapi rakan setara yang menuntut penghormatan.

Ini mencerminkan dilema dihadapi UMNO ketika ini, iaitu antara mengimbangi tanggungjawab kenegaraan dengan keperluan survival politik dalam landskap yang semakin tidak mesra kepada parti tradisional.

Tak boleh nafi politik baharu

Pengakuan Ahmad Zahid mengenai tiga realiti utama politik Malaysia sekarang adalah analisis paling terkehadapan dalam keseluruhan ucapan beliau.

Realiti pertama ialah hakikat politik Malaysia kini beroperasi dalam kerangka politik rentas gabungan yang kekal. Tiada lagi parti atau gabungan tunggal yang boleh memerintah sendirian.

UMNO dipaksa keluar dari zon selesa politik lama dan membina keupayaan baharu dalam seni kompromi, konsensus dan tadbir urus gabungan tanpa menggadaikan prinsip asas perjuangan.

Realiti kedua menyentuh krisis politik Melayu dan identiti. Ucapan ini tepat apabila menegaskan bahawa perpecahan Melayu bukan berpunca daripada perbezaan dasar semata-mata, tetapi akibat perebutan kuasa, dendam politik dan hipokrasi.

Dalam konteks global, kebangkitan politik identiti bukan fenomena tempatan, tetapi reaksi terhadap kegagalan elit politik menyampaikan

tadbir urus berkesan. Rakyat tidak menolak agenda Melayu-Islam, tetapi mereka menolak eksploitasi agama dan bangsa untuk menutup kelemahan pentadbiran.

Seruan agar UMNO tampil sebagai suara Melayu progresif adalah cubaan untuk memposisikan parti ini sebagai pembela hak yang adil, berprinsip, tetapi tidak ekstrem. Pada masa sama, naratif ini perlu disokong kepimpinan yang berintegriti dan keberanian untuk melakukan pembaharuan dalaman secara konsisten.

Realiti ketiga ialah krisis keyakinan, khususnya dalam kalangan generasi muda. Data pasca Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) yang menunjukkan sokongan belia kepada BN berada pada tahap yang membimbangkan sekitar 23 peratus adalah amaran serius.

Fenomena 'political atheist' dalam kalangan Gen Y dan Z menandakan peralihan daripada politik ideologi kepada politik prestasi dan penyelesaian masalah. Generasi ini tidak terpaut kepada slogan atau sejarah, tetapi mereka menilai berdasarkan keupayaan pemimpin menyelesaikan isu kehidupan sebenar mereka.

Bina semula kepercayaan

Paling menarik apabila Ahmad Zahid memperkatakan pemugaran upaya politik UMNO dalam mana beliau mengakui UMNO sedang mengala-

“Persoalan sebenar bukan lagi sama ada UMNO masih relevan atau tidak, tetapi sama ada UMNO berani menterjemahkan pengakuan ini kepada pembaharuan organisasi, kepimpinan berintegriti dan tawaran dasar diyakini rakyat”

mi krisis keyakinan, khususnya dalam kalangan orang Melayu. Ini berpunca daripada perubahan struktur politik sejak 2018 yang memecahkan kesetiaan tradisional pengundi Melayu kepada satu parti dominan.

Apabila Ahmad Zahid menekankan keperluan memulihkan naratif dan kredibiliti parti, mesejnya adalah jelas, mengulangi ucapan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan, sebelumnya, iaitu UMNO tidak lagi boleh bergantung kepada sejarah, jasa lama atau simbol nostalgia.

Pemulihan ini menuntut pembinaan semula identiti politik UMNO sebagai wadah perjuangan Melayu yang relevan dengan pelbagai cabaran semasa seperti kos sara hidup, peluang ekonomi, keadilan institusi dan masa depan generasi muda.

Cadangan beliau untuk menganjurkan Musyawarah Nasional Melayu yang disambut tepukan dan sokongan hangat para perwakilan, pula mencerminkan kesedaran UMNO tidak boleh beroperasi secara tertutup dan elitis.

Dalam era politik berasaskan maklumat, legitimasi tidak lagi datang hanya daripada struktur parti, tetapi daripada keupayaan merangkul kepakaran, wacana intelektual dan suara masyarakat sivil Melayu semakin rencam.

Begitu juga cadangan penjenamaan semula Barisan Nasional (BN). Penjenamaan semula yang dicadangkan adalah bertepatan bagi menyesuaikan struktur dan pendekatan politik dengan realiti politik berbilang gabungan yang kekal.

Ringkasnya, Ucapan Dasar Presiden UMNO 2025 ini adalah satu manifestasi kesedaran politik yang penting. Ia menandakan kesedaran UMNO akan kedudukannya, memahami realiti baharu politik Malaysia dan mengakui bahawa survival tanpa pembaharuan adalah ilusi.

Persoalan sebenar bukan lagi sama ada UMNO masih relevan atau tidak, tetapi adakah sama ada UMNO berani menterjemahkan pengakuan ini kepada pembaharuan organisasi, kepimpinan berintegriti dan tawaran dasar diyakini rakyat.

Berlaku jujur terhadap realiti adalah langkah pertama ke arah kebangkitan. Tahniah diucapkan kepada Ahmad Zahid kerana berani mengakuinya secara terbuka. Selebihnya adalah bergantung kepada keiktizaman pemimpin UMNO menyahut seruan perubahan.

